



ETNIK DAN GAYA KEIBUBAAPAN KE ATAS PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PENAGIHAN DADAH: SATU KAJIAN AWAL DI SABAH

Balan Rathakrishnan¹ & Rahimah Abd Rahim²

ABSTRAK

Etnik dan Gaya Keibubapaan ke Atas Penglibatan Pelajar Dalam Penagihan Dadah: Satu Kajian awal di Sabah - Kajian ini meninjau perbezaan antara pelajar yang berlainan etnik (Melayu, Cina, Bajau, Brunei dan Kadazan Dusun) dan jantina ke atas penagihan dadah di Sabah. Kajian ini juga mengkaji pengaruh gaya keibubapaan ke atas penglibatan pelajar di dalam mengambil dadah. Tiga bentuk gaya keibubapaan yang diteliti ialah autoritarian, autoritatif dan permisif. Seramai 100 orang pelajar telah dipilih secara rawak daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Benoni, Papar telah dipilih sebagai subjek kajian. Hasil kajian telah dianalisis dengan menggunakan program SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan dari segi etnik ke atas penglibatan pelajar dalam dadah. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap ketiga-tiga gaya keibubapaan terhadap penglibatan pelajar dalam penagihan dadah. Jika dilihat dari segi jantina remaja, didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara penglibatan pelajar lelaki dan perempuan. Implikasi utama kajian ini adalah untuk mendedahkan bahawa etnik tertentu dan gaya keibubapaan bukan aspek penting yang boleh dikaitkan dengan penagihan dadah di kalangan pelajar sekolah menengah di Sabah.

¹ Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaysia Sabah ² Pelajar, Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah

ABSTRACT

Ethnic and parenting style on student's involvement in drug addicts: A primary research in Sabah - The purpose of this study is to evaluate and examine the differences between group of ethnic (Malays, Chinese, Bajau, Brunei and Kadazan Dusun) and gender on the involvement of student in drug addicts. This research also focuses on parenting style with the student involvement in drug addicts. The comparing was among the three parenting style such as authoritarian, authoritative and permissive on student involvement in drugs. About 100 sample from Sekolah Menengah Kebangsaan Benoni, Papar was participate on the study. Data was analyzed with the SPSS. The result of the analysis showed there was no significant differences between the ethnic and gender on student involvement in drug. About the parenting style with the student involvement in drug shows, that all the parenting style did not influence the involvement of student on drugs. The implication of the research shows that ethnic and parenting style did contribute to student's involvement on drug's in Sabah.

PENDAHULUAN

Keibubapaan adalah merupakan suatu proses yang berterusan di mana terdapat pelbagai cabaran dalam usaha mendidik anak-anak. Antara proses-proses yang dilakukan ialah pendekatan pengasuhan anak, disiplin, penjagaan alternatif anak, keibubapaan bersama, seni keibubapaan dan lain-lain. Ibu bapa perlu memperlengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran bagi memastikan anak-anak mereka tidak akan terlibat dengan sebarang bentuk masalah sosial. Oleh hal yang demikian, gaya keibubapaan yang sesuai perlu dilaksanakan oleh setiap keluarga untuk memastikan kehidupan berkeluarga menjadi lebih sempurna dan teratur. Hal ini kerana, anak-anak remaja zaman sekarang tidak lagi seperti dahulu. Mereka kini sudah terdedah dengan pelbagai budaya, teknologi dan persekitaran yang lebih global.

Seperti yang disarankan oleh Erikson (1968), (dalam Durkheim, 1995), peringkat remaja merupakan peringkat krisis identiti di mana remaja dalam tahap perkembangan ini akan berusaha untuk mencapai identiti personel. Melalui proses sosialisasi yang semakin



luas, remaja mula memiliki nilai yang tersendiri. Menurut Rodowicz dan Kitto (1994) (dalam Mazni Mustapha, 1999) mengetengahkan nilai yang ada pada individu akan mempengaruhi cara individu berfikir, bertingkah laku, menilai sesuatu hal serta melakukan sesuatu dalam hidup. Nilai yang terbentuk dari persekitaran pada waktu kanak-kanak sememangnya terbawa-bawa sehingga ke alam dewasa mahupun diaplikasikan untuk seumur hidup.

Oleh hal yang demikian, peranan gaya keibubapaan yang dipertanggungjawabkan oleh ibu bapa amat penting sekali untuk membentuk anak-anak mereka supaya menjadi insan yang berguna dan mengelakkan daripada berlakunya sebarang perbuatan devian. Gaya keibubapaan merupakan proses penjagaan, pemeliharaan, asuhan serta didikan anak oleh ibu bapa. Ia merupakan proses timbal balik yang dipengaruhi input dan mempengaruhi output yang bakal terhasil (Baumrind, 1971). Daripada perspektif Islam, keibubapaan dilihat sebagai penetapan status atau nasab yang wujud di antara ibu bapa dengan anak yang mana merangkumi aspek penunaian hak daripada seorang ibu dan bapa kepada anak-anak. Dalam aspek ini, pengkaji dapat mengenal pasti tiga gaya asuhan ibu bapa yang ingin dikaji. Antaranya ialah autoritatif, autoritarian dan permisif.

Mencegah penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar mempunyai hubungan yang rapat dengan usaha kita untuk memperbaiki lagi kualiti dan kuantiti pelajaran. Jika seseorang itu terlibat dengan dadah, sudah pasti dia tidak akan dapat apa-apa manfaat daripada taraf pelajaran yang tinggi yang disediakan di dalam dan luar sekolah. Pelajaran dan pembelajaran amat mustahak bagi pembangunan negara dan belia kita yang terlibat dengan dadah akan menjejaskan segala usaha kerajaan untuk membina masyarakat yang dinamik dan maju (Abd Ghafar Taib, 1991). Oleh itu kita perlu merancang suatu strategi agar wabak ini tidak menjalar ke dalam masyarakat sekolah khususnya pelajar.

PERMASALAHAN KAJIAN

Memang tidak dinafikan lagi bahawa keluarga merupakan tempat awal bagi seseorang remaja mendapat pendedahan dan mempelajari tingkah laku. Corak keibubapaan yang betul akan menjadikan

usaha pengasuhan akan menjadi lebih berkesan. Semenjak kecil lagi peristiwa yang diperlakukan oleh keluarga adalah merupakan sebahagian daripada proses sosialisasi (Mohd Taib Osman, 1995). Berdasarkan kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Mohd Taib Osman (1995) ini, ia memberi satu persoalan kepada pengkaji adakah hubungan gaya keibubapaan iaitu (autoritarian, autoritatif dan permisif) dalam membesarkan anak-anak sebagai pelajar akan terlibat dalam penagihan dadah atau tidak.

Hal ini kerana, terdapat kajian yang membuktikan bahawa pengaruh hubungan gaya keibubapaan yang berbeza akan menyebabkan para pelajar cenderung untuk melibatkan diri dalam penagihan dadah. Gaya keibubapaan yang betul diajarkan kepada anak akan mendorong tingkah laku anak-anak dalam kehidupan seharian supaya menjadi lebih positif.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Jas Laile Suzana Jaafar (2002), gaya keibubapaan autoritarian dan permisif cenderung membesarkan anak-anak yang mempunyai masalah seperti terlibat dengan dadah. Manakala keibubapaan berwibawa iaitu jenis autoritatif lebih cenderung membesarkan anak-anak yang tinggi harga diri dan tidak mudah terjebak dengan permasalahan sedemikian.

Ibu bapa yang autoritatif, menggunakan arahan tentang apa yang mesti dilakukan oleh anak dan tidak berasa bertanggungjawab untuk menjelaskan kenapa arahan itu diberi. Mereka bersifat sangat menuntut dan tidak responsif malah lebih suka jika anak taat dan patuh. Jika anak ingkar, ia akan dihukum. Perbincangan secara terbuka atau interaksi dua-hala di antara ibu bapa dan anak tidak digalakkan kerana ibu bapa berpendapat anak tidak boleh mempersoalkan apa-apa, hanya menerima dan menurut sahaja apa kata ibu bapa.

Kajian yang dilakukan oleh Longmore, Monica dan Giordano (2001), mengenal pasti bahawa struktur keluarga mampu mempengaruhi gaya keibubapaan. Longmore (2001), menunjukkan keputusan bahawa ibu bapa tunggal jarang terlibat dalam kerja sekolah anak dan ini membawa kepada kesulitan dalam menyelia dan mendisiplinkan anak mereka. Hal ini boleh sama ertikan dengan didikan permisif iaitu tidak terlibat sepenuhnya dengan hal anak-anak.



Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan adalah untuk melihat faktor gaya keibubapaan ke atas penglibatan pelajar sama ada akan terlibat dalam penagihan dadah atau tidak akibat daripada gaya asuhan yang diterima. Adakah gaya keibubapaan jenis autoritarian dan permisif mempunyai hubungan yang positif untuk anak-anak terlibat dengan dadah atau jenis keibubapaan autoritatif mempunyai hubungan yang positif untuk anak-anak terlibat dengan dadah.

Manakala menurut Longmore, Monica dan Giordano (2001), mereka mempercayai bahawa pengaruh hubungan gaya keibubapaan adalah mempunyai bersifat positif terhadap tingkah laku yang lebih cenderung kepada aktiviti penagihan dadah di kalangan remaja. Berdasarkan kajian yang dijalankan di Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan, Universiti Sains Malaysia pada tahun 1985 dan 1986, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pelajar terlibat dengan dadah. Antara faktor-faktor tersebut termasuklah kurang daya ketahanan diri dalam menghadapi masalah peribadi, strategi keluarga dalam mendidik, pengaruh sosial dan perasaan ingin mengetahui dan mencuba dadah. Oleh itu para remaja perlu didedahkan tentang bahaya dan kesan buruk dadah (dalam Pendidikan Pencegahan Dadah dalam KBSM).

Terdapat pelbagai persoalan yang timbul apabila berbincang mengenai gaya keibubapaan ke atas penglibatan pelajar dalam penagihan dadah. Faktor gaya keibubapaan mungkin berbeza mengikut usia, jantina, budaya, persekitaran, tahap individu beragama (kealiman), tahap pendidikan yang diterima, pendedahan tentang bahaya dadah serta pelbagai faktor lagi. Berdasarkan kepada pemboleh ubah- pemboleh ubah tersebut menyebabkan pengkaji berminat untuk mengkaji jenis gaya keibubapaan yang mana lebih cenderung untuk mempengaruhi penglibatan remaja dalam penagihan dadah. Ekoran daripada itu, kajian mengenai hubungan gaya keibubapaan telah menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian ini memandangkan pelajar sekarang sudah banyak yang terlibat dengan penagihan dadah.

OBJEKTIF

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan gaya keibubapaan yang telah diaplikasikan oleh keluarga dan

ibu bapa terhadap anak mereka dalam usaha untuk mengelakkan berlakunya keterlibatan pelajar dalam aktiviti penagihan dadah. Secara khususnya pula, kajian ini akan:

- i. melihat sama ada terdapat perbezaan di antara etnik dengan penglibatan pelajar dalam dadah;
- ii. mengkaji hubungan di antara gaya keibubapaan autoritarian dengan penglibatan pelajar pelbagai etnik dalam dadah;
- iii. menganalisis hubungan di antara gaya keibubapaan autoritatif dengan penglibatan pelajar pelbagai etnik dalam dadah;
- iv. melihat sama ada terdapat hubungan di antara gaya keibubapaan permisif dengan penglibatan pelajar pelbagai etnik dalam dadah; dan
- v. meneliti perbezaan penglibatan dadah dari segi jantina

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa definisi konsep yang berkaitan dengan kajian ini yang perlu dihuraikan dan ianya adalah seperti berikut:


- a. Gaya keibubapaan: Merupakan proses penjagaan, pemeliharaan, asuhan serta didikan anak oleh ibu bapa. Ia merupakan proses timbal balik yang dipengaruhi input dan mempengaruhi output yang bakal terhasil.
- b. Autoritatif: Merupakan cara gaya yang dipamerkan oleh ibu bapa dengan cara membentuk peraturan dan jangkaan yang jelas untuk difahami anak. Ibu bapa autoritatif memahami kehendak anak. Dalam standard mendidik anak, ibu bapa menggunakan prinsip kuasa dan alasan dalam menjalankan sebarang tindakan. Walau bagaimanapun, ibu bapa masih menyediakan ruang perbincangan terbuka dengan anak.
- c. Autoritarian: Berbeza dengan gaya asuhan autoritatif, ibu bapa yang mempamerkan gaya asuhan autoritarian membentuk peraturan dan jangkaan yang tegas untuk diikuti anak. Ibu bapa menjangka dan berkehendakkan anak patuh dalam melaksanakan peraturan dalam keluarga.



d. Permisif: Digambarkan dan dipraktikkan dalam sistem keluarga terbuka. Ibu bapa meletakkan kebebasan kepada anak dalam membuat keputusan bagi menetapkan standard dalam keluarga.

e. Penagihan dadah: Penagihan dadah dalam kajian ini adalah merujuk kepada perbuatan menggunakan dadah sehingga menyebabkan ketagihan dan pergantungan fizikal-mental terhadap bahan kimia.

KERANGKA TEORITIKAL



Rajah 1 : Hubungan gaya keibubapaan ke atas penglibatan pelajar dalam penagihan dadah.

Rajah 1 menunjukkan tentang hubungan bagi gaya keibubapaan ke atas penglibatan pelajar dalam penagihan dadah. Dalam rajah ini, gaya keibubapaan (autoritarian, autoritatif dan permisif) dan demografi (agama dan jantina) merupakan pemboleh ubah bebas manakala penglibatan pelajar dalam penagihan dadah adalah pemboleh ubah terikat.



METODOLOGI

i. Reka bentuk kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan, iaitu melalui pengedaran borang soal selidik untuk meneroka dan menghuraikan hubungan gaya keibubapaan ke atas penglibatan pelajar dalam penyalahgunaan serta penagihan dadah (syabu, ganja, alkohol, gam dan sebagainya).

ii. Subjek

Subjek yang akan digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Benoni, iaitu di daerah Papar. Bilangan subjek yang adalah seramai 100 orang sahaja. Subjek adalah terdiri daripada jantina lelaki (50 pelajar) dan perempuan (50 pelajar) dan dari pelbagai agama dan bangsa. Pemilihan subjek adalah secara sistematik yang daripada senarai pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Data ini diperolehi daripada kaunselor sekolah tersebut.

iii. Instrumen kajian

Satu set borang soal selidik yang diperkenalkan oleh Buri (1961) diambil sebagai rujukan dan telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian ini. Alat kajian yang digunakan ialah berbentuk soal selidik jenis Likert. Menurut Buri (1961), skala Likert selalu digunakan dan mudah dibentuk, kebolehpercayaannya adalah tinggi dan telah berjaya mengukur ciri-ciri individu dengan berkesan. Soal selidik ini telah dibentuk oleh pengkaji lepas (dlm. Joharah Abdullah 1999).

Selain itu, alat kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian-bahagian A, B dan C. Bahagian A: Terdiri daripada umur subjek, jantina, bangsa, agama, taraf pendidikan ibu bapa, pendapatan keluarga sebulan dan jenis dadah yang pernah digunakan oleh subjek.

Bahagian B: Terdiri daripada soalan yang mengukur gaya asuhan yang digunakan oleh ibu bapa yang terdiri daripada 30 soalan. 10 soalan adalah terdiri daripada gaya asuhan autoritatif yang telah



dikenal pasti oleh pengkaji. 10 soalan atau item adalah terdiri daripada gaya asuhan autoritarian. Manakala, 10 soalan lagi adalah terdiri daripada gaya asuhan permisif. Soal selidik ini ialah merupakan soal selidik Parenting Style yang digunakan oleh Buri (1961). Skala untuk mengukur gaya asuhan ibu bapa ini adalah dengan menggunakan skala likert iaitu 1- Sangat tidak setuju, 2- Tidak setuju, 3- Tidak pasti, 4- Bersetuju, 5-Sangat bersetuju.

Bahagian C: Terdapat 10 soalan di bahagian C yang mengukur keterlibatan pelajar dalam penagihan dadah. Skala yang digunakan untuk mengukur tahap keterlibatan pelajar ialah dua skala iaitu skala 1 dan 2. skala 1 lebih merujuk kepada keterlibatan dengan dadah manakala skala 2 lebih menjurus kepada tidak terlibat dengan dadah.

Taburan dan jumlah item mengikut pemboleh ubah
yang ingin dikaji

Pemboleh ubah	Nombor item	Jumlah item
Bahagian B		
Autoritatif	4, 5, 8, 11, 15, 20, 22, 23, 27, 30	10
Autoritarian	2, 3, 7, 9, 12, 16, 18, 25, 26, 29	10
Permisif	1, 6, 10, 13, 14, 17, 19, 21, 24, 28	10
Bahagian C		
Keterlibatan terhadap dadah		10

Pemarkatan melibatkan pengalaman dan perasaan subjek terhadap isu yang dikemukakan. Skala pemarkatan adalah merupakan Skala Likert, iaitu yang terdiri daripada skor terendah 1 hingga skor tertinggi 5. skor 1 membawa maksud tidak (sangat tidak setuju) dan skor 5 membawa maksud sangat setuju. Soal selidik dalam bahagian B yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada 30 item iaitu 10 item untuk melihat gaya keibubapaan jenis autoritatif, 10 item gaya keibubapaan jenis autoritarian dan 10 item gaya keibubapaan jenis permisif. Dalam bahagian ini semua 30 soalan adalah item positif yang sudah dikenal pasti oleh



pengkaji. Manakala 37 item dalam bahagian C adalah mengkaji tentang penilaian ibu bapa terhadap diri subjek, gaya keibubapaan dan keterlibatan subjek terhadap dadah.

iv. Tatacara kajian

Sepanjang kajian ini dijalankan iaitu bermula dari peringkat pengedaran soal selidik kepada subjek kajian, mereka telah menunjukkan tahap komitmen yang agak memuaskan kepada pengkaji. Hal ini dapat dilihat melalui kutipan semula soal selidik yang telah diedarkan kepada subjek kajian dapat diserahkan pada waktu yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

Semua arahan bertulis bagaimana untuk menjawab item-item yang terdapat dalam soal selidik adalah terkandung pada setiap helaian borang soal selidik yang diedarkan. Pengedaran borang soal selidik yang hanya bertujuan untuk mendapatkan respon subjek terhadap item-item yang terdapat dalam borang soal selidik hubungan gaya keibubapaan ke atas penglibatan pelajar dalam penagihan dadah juga turut dinyatakan.

v. Analisis Data

Dalam menjalankan proses penganalisan data, semua data dalam kajian direkodkan dan dianalisis dengan menggunakan program komputer SPSS. Kaedah analisis statistik deskriptif dan inferensi digunakan untuk menganalisis data-data mentah yang diperolehi serta menguji hipotesis yang telah dibentuk.

HASIL KAJIAN

Hipotesis 1 meramalkan tiada perbezaan yang signifikan antara etnik dengan penglibatan pelajar dalam dadah. Namun ujian menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan, bermakna tiada perbezaan di antara etnik dan kecenderungan pelajar menggunakan dadah (Jadual 1).



Jadual 1: Hasil ANOVA Satu Hala Menunjukkan Perbezaan Etnik Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Dadah

Pembolehubah	JKD	dk	MKD	F
Antara Kumpulan	1061.60	2	530.80	0.19
Dalam Kumpulan	528.32	97	4.52	
Jumlah	1589.92			

$p > 0.05$

Hipotesis 2 meramalkan tiada hubungan di antara gaya keibubapaan autoritarian dengan penglibatan pelajar dalam dadah. Jadual 2 menunjukkan hasil kolerasi bagi melihat hubungan gaya keibubapaan autoritarian dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti menagih dadah. Hipotesis pertama mengandaikan terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan autoritarian dengan penglibatan pelajar dalam dadah. Hasil analisis menunjukkan korelasi sebanyak 0.17 yang tidak berada di tahap yang tidak signifikan ($k > 0.05$). Ini menandakan bahawa tidak terdapat gaya keibubapaan autoritarian dengan penglibatan pelajar dalam dadah.

Jadual 2: Ujian Korelasi di Antara Gaya Keibubapaan Autoritarian Dengan Penglibatan Pelajar Dalam Dadah

	r	p
Gaya keibubapaan autoritarian dengan penglibatan pelajar dalam dadah.	0.17	0.27

$k > 0.05$

Hipotesis 3 meramalkan tiada hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan autoritatif dengan penglibatan pelajar dalam dadah. Jadual 3 menunjukkan hasil kajian yang menandakan tidak terdapat gaya keibubapaan autoritatif dengan penglibatan pelajar dalam dadah.

Jadual 3: Hasil Kolerasi Gaya Keibubapaan Autoritatif Dengan Penglibatan Pelajar Dalam Dadah

	r	p
Gaya keibubapaan autoritatif dengan penglibatan pelajar dalam dadah.	0.19	0.14

k > 0.05

Hipotesis 4 meramalkan hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan permisif dengan penglibatan pelajar dalam dadah. Jadual 4 menunjukkan hasil kolerasi yang menandakan tidak terdapat gaya keibubapaan permisif dengan penglibatan pelajar dalam dadah.

Jadual 4: Hasil Kolerasi Gaya Keibubapaan Permisif Dengan Penglibatan Pelajar Dalam Dadah

	r	p
Gaya keibubapaan permisif dengan penglibatan pelajar dalam dadah.	0.15	0.27

k > 0.05

Hipotesis 5 mengandaikan ada perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari segi penglibatan dalam dadah. Jadual 5 menunjukkan hasil ujian-t bagi menunjukkan tiada perbezaan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap penglibatan pelajar dalam dadah.

Jadual 5: Hasil Ujian-t Menunjukkan Perbezaan Antara Pelajar Lelaki Dengan Pelajar Perempuan Terhadap Penglibatan Dalam Dadah

Jantina	Min	dk	t	sp	p
Lelaki	18.58	58	0.54	1.71	0.59
Perempuan	18.33			1.83	



PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan di antara faktor penglibatan pelajar dengan dadah dengan merujuk kepada etnik mereka sama ada ianya Melayu, Cina, Brunei, Bajau mahupun Kadazan Dusun.

Memandangkan bahawa kecenderungan pelajar mengambil dadah di sekolah yang dikaji ini tidak ada kaitannya dengan etnik, budaya atau cara hidup kaum masing-masing, maka berkemungkinan adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti faktor persekitaran, faktor rakan sebaya atau pendedahan pelajar tersebut terhadap penggunaan bahan (dadah).

Menurut kajian yang telah dilakukan oleh Bahr et al. (1993), dapatan beliau menyatakan bahawa dari segi kepentingan agama ke atas penyalahgunaan dadah dan remaja, beliau mendapati bahawa faktor agama tidak mempunyai hubungan yang signifikan antara remaja dengan penyalahgunaan dadah.

Hasil kajian Asmah Bee Mohd. Noor (1998) pula mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan sikap terhadap hubungan sosial di antara remaja yang beragama Islam dengan remaja yang tidak beragama Islam. Hal ini menyokong hipotesis ke lima iaitu merujuk kepada golongan pelajar mengikut etnik dalam mengambil dadah.

Nielson (1996), melaporkan bahawa remaja yang selalu mengikuti perjumpaan agama yang kerap, kekerapan masalah sosial yang dilakukan adalah lebih rendah berbanding dengan mereka yang tidak menghadiri sebarang aktiviti keagamaan. Ia menunjukkan kepentingan faktor agama dalam mempengaruhi tingkah laku remaja.

Kedua, kajian ini mendapati bahawa gaya keibubapaan jenis autoritarian tidak mempunyai kecenderungan atau kaitan untuk anak-anak mereka iaitu sebagai pelajar melibatkan diri dalam dadah.

Hal ini adalah kerana manusia adalah sebaik-baik kejadian, berakal, selalu berfikir, menyelidik dan selalu menentukan keputusan pemikiran yang baik. Tetapi bila pemikirannya menyimpang,

maka akan salahlah perbuatannya. Beralih pula kepada gaya keibubapaan jenis autoritarian, mereka disifatkan mengongkong anak mereka daripada membuat aktiviti yang berbentuk bebas. Ibu bapa sebegini mempunyai tujuan untuk mendidik anak-anak mereka tetapi dengan menggunakan kaedah yang berbentuk kawalan dan kekerasan. Tidak semestinya remaja yang dibesarkan di dalam keluarga yang bercorak autoritarian akan terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang kurang sihat seperti mengambil dadah.

Elemen kawalan paksaan merupakan strategi keibubapaan yang paling kerap digunakan oleh ibu bapa yang bersifat autoritarian. Menurut Baurind (1971), ibu bapa autoritarian adalah bersifat menyekat dan sering menggunakan cara menghukum terhadap anak mereka. Mereka menggesa anak-anak mereka mengikuti semua arahan mereka untuk menghormati kerja dan usaha (Santrock, 1998). Dalam hubungan ibu bapa-remaja, bagi ibu bapa yang mengaplikasikan teknik autoritarian, kawalan yang ketat dikenakan dan kebebasan dalam pertuturan juga terhad dan disekat.

Menurut Longmore, Monica dan Giordano (2001), kawalan paksaan termasuk tingkah laku menampar, memekik dan membantah. Longmore, Monica dan Giordano (2001), mempercayai bahawa kawalan paksaan ibu bapa mempunyai pengaruh yang positif terhadap tingkah laku yang boleh cenderung kepada aktiviti penagihan dadah di kalangan remaja.

Apabila menyentuh tentang layanan paksaan ibu bapa dengan tingkah laku remaja, isu autonomi remaja perlu ditinjau. Ini adalah seperti yang diketengahkan oleh Hill dan Steinbergs (1976), jenis teknik keibubapaan autoritarian adalah berkaitan dengan autonomi remaja yang rendah (Santrock, 1998). Apabila isu autonomi remaja menjadi rendah, hal ini akan mendorong remaja berkelakuan negatif seperti melibatkan diri dengan sesuatu yang tidak berfaedah hanya sekadar untuk melepaskan perasaan tidak puas hati.

Ketiga, kajian turut mendapati bahawa tidak terdapat hubungan di antara gaya keibubapaan autoritatif dengan penglibatan pelajar dalam dadah. Kalau ditinjau dari sudut teori psikoanalisis yang dikemukakan oleh Freud, tabiat manusia pada asalnya adalah jahat kerana dipengaruhi oleh unsur-unsur rangsangan seksual, kuasa



agresif dan tidak rasional yang wujud dalam diri manusia bagi tujuan menjaga survival perkembangan hidupnya. Unsur -unsur itu bertindak di dalam diri manusia secara membabi buta (tidak sedar). Kombinasi unsur-unsur itu dan konflik hidup semasa kecil yang tidak dapat diselesaikan pada masa itu akan menjadi punca dan penentu tabiat anak pada masa hadapan.

Melalui teori psikoanalisis ini, dapat disimpulkan bahawa gaya keibubapaan jenis autoritatif tidak langsung mempengaruhi keterlibatan pelajar dalam dadah. Walaupun gaya keibubapaan ini merupakan cara asuhan dan didikan yang terbaik di antara ketiga-tiga jenis gaya keibubapaan, para pelajar masih juga terlibat dengan dadah. Hal ini disebabkan memang wujud sifat yang berunsur negatif dalam diri manusia sejak azali. Cuma kita perlu tahu menguruskannya dengan cara yang betul dan minda yang sihat agar semua kejahatan dapat kita hindari.

Gaya keibubapaan tidak mempengaruhi penglibatan pelajar dalam dadah berkemungkinan pengaruh persekitaran lebih dominan untuk membentuk perilaku remaja yang masih mentah dalam cabaran hidup. Menurut Sabitha Marican dan Mahmood Nazar Mohamed (1994), pelbagai pengaruh yang kurang sihat boleh juga merubah melalui persekitaran yang seterusnya akan mengakibatkan punca remaja terikut-ikut dengan pengaruh berkenaan.

Keempat, kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan di antara gaya keibubapaan permisif dengan penglibatan pelajar dalam dadah. Dapatan yang diperolehi ini adalah sedikit berbanding penelitian yang telah dijalankan oleh Muhd Mansur Abdullah. Hal ini berkemungkinan disebabkan faktor persekitaran yang berbeza. Melalui pandangan yang di lakukan oleh Muhd Mansur Abdullah melihatkan kecuaiian dan kelalaian ibu bapa merupakan punca masalah-masalah sosial yang berlaku di kalangan remaja. Semasa zaman remaja mereka memerlukan penjagaan, pengawasan dan pendidikan yang rapi daripada pihak ibu bapa mahupun pihak sekolah dan juga masyarakat setempat. Ibu bapa atau penjaga memainkan peranan penting dalam membentuk pertumbuhan seseorang anak remaja itu. Kasih sayang, penjagaan yang rapi, memberikan perhatian, suka mengambil tahu, dan bergaul mesra dengan anak-anak remaja akan membabitkan suasana kekeluargaan yang harmoni.

Dari hasil kajian melalui data-data perangkaan yang dikemukakan, terbukti memang ada berlakunya kelalaian dan kecuaiian ibu bapa mahupun penjaga. Semua ini terjadi akibat ibu bapa sentiasa dalam keadaan sibuk dengan aktiviti-aktiviti kehidupan seharian, sehingga anak-anak diabaikan. Kajian beliau yang dibuat pada tahun 1994 bersama rakan-rakan terhadap 100 orang ibu bapa 100 orang anak-anak di sekitar Johor Bahru mendapati punca kerenggangan antara ibu bapa dengan anak-anak disebabkan oleh faktor kesibukan dan kekalutan ibu bapa menyebabkan anak-anak rasa terbiar dan tersisih. Akibatnya menyebabkan ikatan kekeluargaan itu sendiri menjadi longgar dan mereka akan cenderung untuk melakukan perbuatan yang negatif.

Selain daripada mendapat didikan dan asuhan dari ibu bapa, para pelajar yang selalu berinteraksi dengan guru, rakan sebaya serta rakan satu sekolah akan membolehkan pelajar berkenaan mempelajari cara kehidupan yang berlainan daripada apa yang telah diterima di dalam keluarga. Oleh itu, pembelajaran ini membolehkan mereka untuk menerima situasi masyarakat yang dipenuhi oleh pelbagai masalah sosial (Mohd Amin H.A. Shariff, 1998).

Kelima kajian mendapati bahawa tiada perbezaan di antara jantina dari segi penglibatan dalam dadah. Gecas dan Seff (1990) menyatakan bahawa cara layanan ibu bapa termasuk cara asuhan anak secara tidak langsung akan membentuk personaliti anak dan menyediakan anak-anak mereka untuk menghadapi dunia luar dengan nilai-nilai tertentu. Berkenaan dengan isu ini, Kohn, Slomczynski dan Schoenbach (1986), melalui kajian mereka mengenai pemindahan nilai daripada ibu bapa kepada anak mendapati bahawa nilai ibu bapa memberi kesan yang signifikan terhadap nilai remaja tidak kira samada lelaki atau perempuan (Gecas & Seff, 1990).

Menurut kajian Lo (2000), beliau telah menjalankan kajian mengenai hubungan di antara umur dengan sikap pengambilan alkohol dan dadah di kalangan subjek terdiri daripada pelajar sekolah menengah di Amerika Syarikat. Data dikumpul dengan menggunakan projek "Monitoring the Future" untuk menilai hipotesis devian secara umum. Keputusan mendapati bahawa sikap pengambilan alkohol akan membawa kesan kepada penagihan dadah dan ini telah



menyokong dapatan data hipotesis yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan jantina terhadap pengambilan dadah di kalangan remaja. Hal ini kerana pengambilan alkohol pada umur yang awal akan mendorong seseorang individu mengambil dadah tidak kira remaja lelaki atau perempuan.

Maka secara rumusannya, gaya asuhan atau didikan ibubapa kurang boleh dikaitkan dengan pelajar yang terlibat dengan penglibatan dadah. Dalam hal ini, mungkin terdapat pelbagai faktor lain yang mempengaruhi pelajar dari pelbagai etnik melibatkan diri dalam penagihan dadah.

Dapatan kajian ini memberi beberapa implikasi kepada pihak sekolah dan ibu bapa. Hasil kajian ini telah memberikan gambaran yang jelas kepada pihak sekolah bahawa asuhan ibu bapa yang berbeza tidak mempengaruhi anak-anak mereka terlibat dengan dadah. Pihak sekolah perlu menambah kajian mengenai aspek lain seperti pengaruh rakan sebaya, faktor kemiskinan, pengaruh persekitaran ke atas tingkah laku devian mereka.

KESIMPULAN

Mendidik dan membimbing anak bukanlah perkara yang mudah. Ibu bapa hendaklah terus-menerus tanpa berputus asa dalam membentuk akhlak dan jati diri anak. Langkah penting bagi ibu bapa dalam meneruskan kesinambungan fitrah akhlak anak ialah memberi pendidikan agama bermula sejak kecil lagi. Langkah ini bagi menjamin supaya akhlak anak tidak terencat apabila ia menempuh alam remaja. Walaupun terdapat sedikit kelemahan dalam menguasai kemahiran keibubapaan tetapi dengan adanya asuhan dan didikan agama yang kukuh, maka anak itu mampu menepis segala anasir jahat yang cuba mempengaruhinya atau sekurang-kurangnya boleh menjauhi anak dari menjadi nakal.

RUJUKAN

- Abd Ghafar Taib. (1991). *Dadah Strategi dan Kawalan di Sekolah-sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amey C.H., & Albrecht, S.L. (1998). Race and ethnic differences in adolescents drug use: The impac of family structure. *Journal of Drugs Issue*, 28, 283.
- Asmah Bee Mohd. Noor, (1998). *Punca maklumat seks di kalangan remaja: Satu kajian kes di Dengkil, Selangor*. Kertas di Seminar FSKK ke-3, 18-19 Ogos, 1998).
- Barnes, G.M. & Farell, M. (1992). Parental support and control as predictor of adolescents drinking, delinquency, and related problem behavior. *Journal of Marriage and The Family*, 54, 763-766.
- Baumrind, D. (1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology Monograph*. 4(1): 1-102.
- Brook, J. S., Whiteman, M., Finch, S., & Cohen, P. (2000). Longitudinally fore telling drug use in the late twenties: Adolescent Personality and Social Environmental Antecedents. *Journal of Genetic Psychology*, 161, 37-54.
- Durkhein, K. (1995). *Development social psychology: From infancy to old age*. New York: Blackwell Publisher Inc.
- Gecas, V. & Seff, M. A. (1990). Families and adolescents: A review of the 1980s. *Journal of Marriage & Family*, 52, 941-958.
- Getruce C. (1999). Sikap masyarakat luar bandar terhadap pembangunan dalam usaha pembasmian kemiskinan. Dlm. *Koleksi kertas kerja Seminar Peranan Psikologi dalam masyarakat Malaysia semasa*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Goode, E. (1999). *Drugs in American Society* (5th ed). Boston: McGraw-Hill College.
- Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakob. (2002). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2000). *Psikologi Kanak-kanak & Remaja*. Kuala Lumpur:: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lo, C.C . (2000). Timing of drinking initiation: A trend study predicting drugs use among high school senior. *Journal Of Drug Issue*, 30, 525-554.



- Mahmood Nazar Mohamed (1992). Pengantar psikologi. Satu pengenalan kepada jiwa dan tingkah laku manusia. Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka*
- Mazni Mustapha. (1999). Potensi kajian remaja di Malaysia. Dlm. *Koleksi kertas kerja Psikologi Masyarakat Malaysia Semasa*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Taib Osman. (1995). Pembelajaran untuk menentang gejala-gejala negatif. *Dewan Budaya*. Bil.1/02. 42-45.
- Mokhtar Ismail. (1995). *Penilaian Di Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Amin H.A. Shariff. (1998). *Perkembangan Remaja: Pandangan, Pemahaman dan Interpretasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd. Mansur Abdullah dan Siti Nordiana Mohd. Tamin, (1988). *Psikologi Remaja*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Nielson, L. (1996). *Adolescence: A Contemporary View (3rd ed)*. Fort Worth TX: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Santrock J.W. (1998). *Adolescents (7th ed.)* Boston: Mc Graw Hill. Ward, A.D., Carter, T.J. & Perrin, R.D. (1994). *Social deviance: Being, behaving and Branding*. Boston: Ally And Bacon.
- Whitbeck. (1992). Parental support, depressed affect, and sexual experience among adolescents. *Youth & Society*. 24, 166-167

